

30/05/2001

Mesyuarat pasukan petugas khas G15 di Kuala Lumpur

Manja Ismail; Mokhtar Alias in Jakarta

JAKARTA, Selasa - Mesyuarat pertama pasukan petugas khas mengenai kerangka kewangan antarabangsa yang ditubuhkan dalam mesyuarat Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di sini, akan diadakan di Kuala Lumpur.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata berikutan penubuhan pasukan petugas khas itu adalah cadangan Malaysia, Kuala Lumpur akan mengendalikannya yang pertama.

"Kita akan mengundang pakar dari negara anggota untuk memberi pandangan dan cadangan mengenai kerangka itu, yang sudah lama diperjuangkan Malaysia," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Kumpulan pakar itu bertanggungjawab untuk meneliti kedudukan sektor kewangan antarabangsa dan bagaimana ia boleh disesuaikan dengan perkembangan semasa.

Malaysia menyuarakan perlunya kerangka kewangan antarabangsa dipinda sejak 1997 lagi berikutan sistem sedia ada terbukti gagal menghalang ancaman spekulasi mata wang sehingga hampir meruntuhkan ekonomi negara Asia empat tahun lalu.

Setahun selepas itu, Malaysia memperkenalkan kawalan modal berpilih dan menetapkan kadar ringgit untuk membendung serangan berterusan oleh spekulator mata wang. Walaupun kawalan modal sudah dilonggarkan secara berperingkat, ringgit kekal pada kadar RM3.80 bagi AS\$1.

Pada masa sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyuarakan pandangan Malaysia mengenai perkara itu pada setiap persidangan antarabangsa.

Syed Hamid berkata, perjuangan Malaysia mengenai isu itu ternyata berhasil kerana G15 bersetuju supaya negara anggota melangkah daripada perbincangan teori kepada tindakan.

Selain itu, mesyuarat menteri luar G15 juga bersetuju menubuhkan pasukan petugas khas dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Beliau berkata, Malaysia bersetuju menawarkan kerjasama dalam bidang tenaga manusia dengan menyediakan 10 tempat bagi kursus pengurusan dan lima bagi kursus ICT di Institut Tadbiran Awam Malaysia (Intan) kepada negara anggota.

Pada masa sama, Malaysia yang melaksanakan Pusat Kecemerlangan G15, turut menawarkan program sarjana di Universiti Malaya kepada pegawai negara anggota.

"Pelaksanaan projek seumpama ini dan pertukaran pengalaman di kalangan negara G15 menunjukkan kerjasama Selatan-Selatan mula diterjemahkan kepada sesuatu yang konkrit dengan setiap anggota membuktikan komitmen mereka," katanya.

(END)